

Pada zaman yang serba moden ini ramai anak muda tidak ambil peduli dalam melestarikan bahasa dan budaya Melayu. Malah, ada juga yang menganggap bahawa bahasa dan budaya Melayu tidak begitu penting. Inilah yang mendorong pelajar dari Politeknik Nanyang mengorak pelbagai inisiatif dan aktiviti demi melestarikan bahasa dan budaya kita agar ia tidak hilang ditelan zaman.  
Ikuti laporan **PUTRI MARDHIYAH YAZID** (yputri@sph.com.sg).

# Ayuh Andayu! Demi bahasa dan budaya...

Anggota muda Kumpulan Kebudayaan Melayu dari Politeknik Nanyang gigih anjur pelbagai kegiatan demi lestarian warisan Melayu



ORANG dulu-dulu selalu berpesan, biar mati anak, jangan mati adat.

Sehingga kini, perubahan tersebut dianggap masih relevan, ditambah pula dengan pengaruh budaya Barat pada anak 'moden' hari ini.

Dengan harapan agar bahasa dan budaya Melayu tidak hilang luput dek zaman, Kumpulan Kebudayaan Melayu (MCG) dari Politeknik Nanyang (NYP) atau lebih dikenali sebagai Andayu MCG giat menjalankan pelbagai kegiatan yang berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu.

Antaranya, kumpulan ini telah menyertai banyak pertandingan seperti Piala Khatulistiwa dan Piala Suara Serumpun.

Malah, mereka turut mengambil bahagian dalam acara seperti Rentak Budaya dan juga menghasilkan sendiri produksi tahunan mereka, Layar Andayu.

Ditubuhkan pada 1992 dengan nama 'Kelab Seni', Andayu MCG kian berkembang dan merupakan antara kumpulan kegiatan kokurikular (CCA) di NYP dengan jumlah anggota paling banyak – seramai lebih kurang 120 pelajar kesemuanya.

Andayu MCG terdiri daripada empat kumpulan kerabat – Indra Nila Kirana, Pusaka Seni, Dewi Kalista dan Betara Karisma.

Indra Nila Kirana adalah 'cabang' kumpulan tarian Melayu, sementara Pusaka Seni pula merupakan kumpulan yang memperjuangkan drama teater Melayu.

Dewi Kalista dan Betara Karisma pula merupakan kumpulan dikir barat; Dewi Kalista untuk pelajar wanita manakala Betara Karisma untuk pelajar lelaki.

Presiden Andayu MCG yang juga merupa-

“Bagi saya, penduduk Melayu di Singapura sangat unik. Ada orang Arab, orang Bawean, orang Jawa, orang Bugis dan sebagainya. Dengan cara sebegini, ia dapat membantu mengeratkan lagi silaturahmi antara pelbagai kaum di sini agar bahasa dan budaya Melayu dapat terus dikekalkan.”

– Yasser Abqari Abdul Nassir Basalamah, Presiden Andayu MCG.

kan pelajar tahun ketiga jurusan Kejururawatan, Encik Yasser Abqari Abdul Nassir Basalamah, berpendapat dengan adanya kumpulan CCA seperti Andayu MCG, ia memberi satu kesedaran bahawa bahasa dan budaya Melayu belum pupus dalam masyarakat Singapura.

“Bagi saya, penduduk Melayu di Singapura sangat unik. Ada orang Arab, orang Bawean, orang Jawa, orang Bugis dan sebagainya. Dengan cara sebegini, ia dapat membantu mengeratkan

lagi silaturahmi antara pelbagai kaum di sini agar bahasa dan budaya Melayu dapat terus dikekalkan,” ujar Encik Yasser, 25 tahun.

Pelajar jurusan Pengurusan Media Massa daripada kumpulan Pusaka Seni, Cik Nor Shafiqah Abdul Azis, 18 tahun, pula berkata tujuan beliau menyertai Andayu MCG adalah kerana ingin mencuba teater drama Melayu setelah pernah aktif dalam teater drama Inggeris sewaktu di sekolah menengah dahulu.

“Melalui Andayu MCG, ia membantu saya mengenali lebih lanjut mengenai sejarah Melayu dan juga berbagai-bagai jenis bahasa Melayu seperti bahasa Bawean dan bahasa Bugis,” tambah Cik Shafiqah, yang kini merupakan Penolong Ketua kumpulan Pusaka Seni.

Bagi pelajar Cil Nur Sabrina Mazlan pula, 20 tahun, Andayu MCG telah memberinya peluang untuk mencari identitinya sebagai anak Melayu.

“Dewi Kalista memberi saya peluang mencuba sesuatu yang baru. Mereka nampak bakat saya dan mereka tonjolkan bakat yang saya ada. Dan saya rasa, segala latihan dan titik peluh kami semasa menjayakan sesebuah persembahan itu sungguh berbaloi,” tambah Cik Sabrina, pelajar tahun pertama jurusan Kejururawatan.

Menurut pelajar tahun kedua jurusan Teknologi Aeroangkasa & Aeronautikal, Encik Mohamed Iskandar Mohamed Ismail, beliau sebenarnya rasa cemburu melihat mereka yang begitu mencintai budaya dan bahasa Melayu.

“Dulu saya memang terpengaruh dengan budaya Barat. Bila saya tengok orang lain sangat cintakan bahasa dan budaya Melayu, saya terdorong ingin tahu apa yang menarik sangat mengenainya,” ujar Encik Iskandar, 24 tahun, seorang anggota Betara Karisma.



**LESTARI WARISAN BANGSA:** Pelajar NYP dari Andayu MCG termasuk (dari kiri) Cik Norshafiqah Abdul Azis, Cik Nur Sabrina Mazlan, Encik Mohamed Iskandar, Ismail dan Encik Yasser Abqari Abdul Nassir. Basalamah riat, mengorganikan pelbagai kegiatan bagi melestarikan bahasa Melayu.



**AKTIF PERSEMBAHKAN TEATER MELAYU:** Salah sebuah kumpulan kecil Andayu MCG, Pusaka Seni, juga turut mengadakan pementasan teater mereka sendiri yang bertajuk 'Delima Pusaka'.

**MERIAH SUASANA:** Para penari daripada kumpulan Indra Nila Kirana turut menghiburkan warga emas daripada perkhidmatan sosial Ang Mo Kio sempena sambutan 'Hari Raya Aidilfitri Silver Friends'. – Foto-foto ANDAYU MCG FACEBOOK

## ‘Layar Andayu’ pentas pelajar NYP tonjol bakat

‘LAYAR Andayu’ merupakan sebuah produksi pementasan teater yang dihasilkan oleh para pelajar NYP Andayu MCG sendiri setiap tahun.

Ia bertujuan memberi peluang kepada para pelajar yang mempunyai bakat terpendam menonjolkan bakat yang ada.

Setiap tahun, para pelajar Andayu MCG dari tahun ketiga turut berpeluang mencungkil bakat mereka dalam bidang mengarah dan penulisan skrip.

Selain menjadi pengarah dan penulis skrip, para pelajar tahun ketiga juga berpeluang menerbit, mengurus pentas, membuat prop, mengurus pakaian dan mengarah muzik untuk pementasan ini.

Pelajar Andayu MCG dari tahun pertama hingga tahun ketiga pula berpeluang berlakon dalam pementasan tersebut.

Sewaktu persembahan tersebut, penonton juga boleh menjangkakan persembahan tradisional lain seperti tarian Melayu dari kumpulan kecil Indra Nila Kirana dan juga dikir barat dari Betara Karisma dan Dewi Kalista yang diselang-selikan dengan pementasan tersebut.

Kumpulan kecil Pusaka Seni pula menjadi penyeri acara dengan persembahan lakonan yang mencuit hati sepanjang pementasan tersebut.

Persembahan-persembahan tersebut diadakan bagi memeriahkan lagi suasana dan menaikkan lagi ‘mood’ pementasan itu.

Seperti contoh, para penari akan menari menggunakan pergerakan dan ekspresi sedih, gembira dan ekspresi yang berkaitan dengan persembahan teater tersebut.

Persiapan bagi pementasan ini selanjutnya bermula pada pertengahan setiap tahun – mula dengan proses mendapatkan anggota jawatankuasa yang bertanggungjawab menggalas pelbagai peranan bagi menjayakan pementasan.

Sesi uji bakat menyusul bagi mendapatkan pelakon yang sesuai dengan pelbagai watak yang ditampilkan dalam pementasan tersebut.

Antara tajuk pementasan yang pernah diadakan pada tahun-tahun lalu ialah *Di Lembah Ke gelap, Kotak, Berempa Kaperakan* (Harga Kebahagiaan dalam bahasa Bawean) dan *Kembara*.